

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO KOSMA TOURISM SDN BHD (KTSB)

SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
3. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diveduk/ditiru/diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
4. Semua logo yangh diterima oleh Urus Setia Pertandingan akan menjadi hak milik KOSMA Tourism Sdn Bhd (KTSB) dan tidak boleh dikembalikan. KTSB adalah berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi.
5. Pemenang utama akan menerima hadiah wang tunai , sijil penyertaan dan bawcer penginapan.
6. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **31 DISEMBER 2018**.

SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

1. Rekabentuk logo mestilah **baru dan asli** serta tidak mengandungi unsur dan elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
2. Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan **kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm)** berwarna putih dalam komputer grafik dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan **format Ai (Adobe Illustrator) dan JPEG resolusi minimum 1280 x 960** atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.
3. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol.
4. Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi 5 warna.
5. Reka bentuk hendaklah menarik , jelas, mudah dan kemas.

BORANG PENYERTAAN

1. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang telah disediakan.
2. Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu :

- a) Nama penuh
- b) Nombor kad pengenalan
- c) Alamat penuh
- d) Nombor telefon , dan
- e) Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk hardcopy dan softcopy sama ada melalui pos atau emel ke **ktsb@kosma.com.my** (dalam format .ai dan .jpeg). Alamat seperti berikut :

KOSMA TOURISM SDN BHD
B12, TINGKAT BAWAH,
JALAN TUN ISMAIL 1/1,
25200 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

3. Penyertaan dibuka sehingga **31 DISEMBER 2018**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas 31 DISEMBER 2018 tidak akan dilayan oleh pihak urus setia.

METODOLOGI PENILAIAN

1. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima peserta yang menyertai pertandingan ini.
2. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap layout / design logo yang dihantar kepada Urus Setia Pertandingan.
3. Hanya satu (1) reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah tunai, sijil penyertaan dan satu (1) baucer penginapan sahaja.

PANEL PENILAI

1. Penilaian akan dibuat oleh Lembaga Pengarah KTSB.
2. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh panel penilai.
3. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
4. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu.
5. Logo yang terpilih akan digunapakai dan menjadi hak milik sepenuhnya KOSMA Tourism Sdn Bhd (KTSB).

HADIAH PENYERTAAN

1. Seorang (1) pemenang akan menerima **wang tunai RM 250.00, sijil penyertaan dan satu (1) bawcer penginapan.**
2. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon , surat atau email.



KOSMA TOURISM SDN BHD
BORANG PENYERTAAN

KOSMA TOURISM SDN BHD

B12, TING BAWAH
JALAN TUN ISMAIL 1/1
KUANTAN PERDANA
25200 KUANTAN

☎09-5124477/4488/4545 ☎09-5124334 ✉ktsb@kosma.com.my

MAKLUMAT PENYERTAAN

NAMA PENUH	
NO MYKAD	
ALAMAT	
POSKOD	
EMAIL	
NO.TELEFON (B)	

PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah ke mana – mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham pernyataan saya akan dibatalkan secara serta – merta jika saya melanggar peraturan ini. saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik KOSMA Tourism Sdn Bhd (KTSB) sepenuhnya dan tiada hak ke atasnya selepas ini

Tandatangan : Tarikh :

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Encik Muhammad Aliff Bin Osman

Di talian: 095124477/4488/4545

ktsb@kosma.com.my